

04 FEB 1998

Fayed-Malaysia

PEMILIK HARRODS PUJI MAHATHIR DAN MALAYSIA

Oleh: Abdul Rahman Ahmad

KUALA LUMPUR, 4 Feb (Bernama) -- Pemilik gedung perniagaan Harrods

Mohamed Al-Fayed berkata hari ini kemasukan perniagaannya ke Malaysia adalah kerana Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang disifatkannya sebagai seorang Perdana Menteri yang terkemuka.

"Saya berada di sini kerana Perdana Menteri. Secara kebetulan namanya adalah Mohamad iaitu sama dengan nama saya," katanya dalam satu sidang berita selepas mengumumkan gedung perniagaannya yang terkenal di London itu akan membuka cawangan di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), yang akan dibuka tidak lama lagi.

"Saya adalah sahabat karib kepada Perdana Menteri dan saya menghargai persahabatan itu. Sekarang adalah masanya dan menjadi tanggungjawab antara sahabat untuk membantu negara ini," kata hartawan kelahiran Mesir itu, dengan Dr Mahathir berada di sebelahnya.

Beliau berkata dia berada di sini bukanlah semata-mata kerana perniagaan tetapi lebih kerana persahabatannya dengan Perdana Menteri.

"Anda mempunyai banyak peluang perniagaan yang berpotensi dan menggalakkan. Apa yang perlu diketahui dunia ialah tentang rakyat negeri ini dan para pelabur akan berminat untuk melabur di sini," katanya.

"Saya ingin menjadi contoh kepada yang lain, iaitu untuk membawa masuk rakan perniagaan saya ke sini bagi membantu Malaysia," kata Al-Fayed yang mana rancangan perniagaannya di sini disifatkan sebagai pelaburan asing yang bermakna.

Menurut satu kenyataan yang diedarkan sebelum sidang berita itu, Harrods juga akan memasarkan barangan keluaran Malaysia, seperti kenderaan padang golf, perkakasan elektrik jenama MEC dan pakaian, di gedung perniagaannya di London.

Dr Mahathir berkata dalam sidang berita itu: "Harrods telah menghantar orang-orangnya ke Malaysia untuk mencari peluang pelaburan. Dengan perniagaan Al-Fayed dan bekalan barangan Malaysia ke Harrods, ini

akan

membantu Malaysia meringankan masalah ekonomi kita."

Al-Fayed, berada di sini dalam rangka lawatan tiga hari untuk mengkaji

peluang pelaburan, semalam beliau melawat pulau peranginan Langkawi.

Dr Mahathir berkata lawatan beliau ke Langkawi adalah diharapkan akan

mempromosikan pulau itu dan Malaysia ke seluruh dunia.

Al-Fayed juga dijadualkan akan mengadakan perbincangan dengan Petronas, Suruhanjaya Sekuriti dan Penasihat Ekonomi kepada Kerajaan, Tun Daim Zainuddin.

Al-Fayed telah melawat KLIA yang berharga RM9 bilion dan dijadualkan

akan beroperasi pada bulan April ini.

Beliau berkata dia telah membuat keputusan untuk membuka perniagaan di KLIA, yang dianggapnya sebagai sebuah lapangan terbang yang mengagumkan.

"Saya begitu terpegun hari ini (dengan lapangan terbang itu). Ia seumpama piramid, begitu mengagumkan. Ia akan menjadi sebuah lapangan

terbang yang terkemuka di dunia dan ini adalah wawasan Perdana Menteri yang

begitu komited," katanya.

Al Fayed yang memberikan jaminan akan mempromosikan Malaysia di seberang laut, iaitu termasuk membuat filem mengenai negara ini.

"Anda mempunyai rakyat yang baik, banyak sumber alam semula jadi yang

perlu diketahui oleh dunia," katanya.

"Saya fikir adalah masanya untuk saya mula melabur dengan Harrods di

sini," katanya.

Al-fayed berkata pelaburannya di Malaysia membabitkan kos kira-kira lima juta pounds (1 pound= RM6.6).

Ketika ditanya sama ada kena masanya untuk membenarkan pelaburan dari

Al-Fayed ketika segala-gaanya berjalan perlahan akibat masalah ekonomi,

Al-Fayed menjawab: "Anda tidak perlu membayar apa-apa... Saya akan membawa

masuk perniagaan dan pelaburan untuk membangunkan semula tempat ini (Harrods

di KLIA) dengan barang dagangan bernilai AS\$20 juta dan AS\$30 juta."

"Kami akan melabelkan semula pakaian yang akan dikeluarkan dan dieksport ke kedai-kedai bebas cukai kami yang boleh mencapai harga berjuta-juta dollar. kami mempunyai 24 kedai bebas cukai termasuk enam di

United Kingdom dengan perolehan antara tiga dan empat pound sehari," kata

beliau.

Al-Fayed berkata pada umumnya beliau memberi galakan kepada pengeluaran pakaian kerana kerana terdapat pereka yang berkualiti.

Al-Fayed juga berikrar untuk memperkenalkan Malaysia di kalangan para pelanggannya dan mereka yang mempunyai urusan dengan Harrods.

"Yang Malaysia perlukan ialah pemasaran yang berkesan," kata beliau sambil berkata pelancongan ialah industri utama yang menghasilkan berbilion-bilion dollar.

Ketika ditanya sama ada beliau boleh memberi apa-apa bantuan kepada Malaysia, beliau berkata: "Saya telahpun memikirkannya, anda perlu menjual sebuah pulau kepada saya."

Jutawan itu berkata beliau juga bercadang untuk menghantar pengarah filem terkenal yang bekerjasama dengan Steven Spielberg dalam filem James Bond yang pakar menghasilkan dan mengeluarkan filem untuk membuat penggambaran di Malaysia.

"Saya telah melihat Langkawi dan keindahannya," kata beliau.

Dr Mahathir berharap lebih banyak agensi pelancongan di United Kingdom yang mempunyai urusan dengan Harrods akan membantu membawa masuk pelancong ke Malaysia.

"Produk Malaysia yang akan dijual di Harrods di KLIA tidak semestinya bagi rakyat Malaysia tetapi juga untuk rakyat asing. Kami harap mereka akan berjaya dan menjual produk itu kerana ini akan menjadikan produk Malaysia dikenali di mata dunia," kata beliau.

Perdana Menteri yang berharap Al-Fayed akan berpuas hati dengan apa yang telah dilihatnya semasa lawatan itu berkata jutawan itu telah mendaratkan pesawatnya di KLIA.

Dr Mahathir berkata Al-Fayed, yang juga seorang dermawan juga melahirkan harapan untuk melawat rumah anak yatim di negara ini. --

BERNAMA

ARA